

Daftar segera tanah wakaf dengan MAIPk

Elak risiko dijual kepada pihak lain

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Semua masjid, surau dan sekolah agama rakyat di Perak digesa segera mendaftarkan tanah wakaf masing-masing di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi mengelakkan pertikaian hak milik yang boleh mengancam kelangsungan institusi ibadah tersebut.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, masih banyak masjid lama yang dibina hasil wakaf individu, namun tanahnya tidak pernah didaftarkan secara rasmi di bawah MAIPk.

Menurutnya, situasi itu menyebabkan tanah tersebut berisiko dituntut waris dan dijual kepada pihak ketiga, termasuk bukan Islam, seperti yang pernah berlaku di beberapa lokasi dalam negeri ini.

"Dulu orang tua-tua hanya lafaz wakaf, bina masjid, tetapi tidak daftarkan dengan MAIPk. Apabila pewakaf meninggal dunia, tanah itu dimasukkan dalam senarai harta pusaka dan difaraiddkan.

"Apabila sampai kepada waris, ada yang menjualnya dan pembelinya pula bukan Islam. Inilah yang berlaku di sebuah masjid di daerah Kerian," katanya kepada pemberita pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kitab Bacaan di Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau Ta'addud Jumaat Negeri Perak di



AJENYE
YEL

Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sultan Azlan Shah, Tanjung Rambutan.

Turut hadir, Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim; Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Datuk Harith Fadzilah Abdul Halim dan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak, Datuk Ab Rahman Thobroni Mohd Mansor.

Saarani berkata, tindakan telah diambil terhadap tanah masjid di Kerian yang dijual kepada individu bukan Islam, termasuk arahan kepada JAIPk dan MAIPk supaya menebus semula tanah terbabit yang dianggarkan bernilai RM1.8 juta.

"Saya difahamkan kutipan sumbangan setiap hari Jumaat oleh masjid-masjid di Perak berjumlah antara RM5 juta hingga RM7 juta sebulan. Ini bermakna kira-kira RM1 juta seminggu.

"Saya menyeru seluruh umat Islam di Perak supaya menunjukkan solidariti. Sebahagian kutipan itu bolehlah disumbangkan untuk menebus semula tanah tersebut. Surat pekeliling akan di-

Saarani (tiga dari kiri) menyampaikan kit kepada penerima selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kitab Bacaan di Masjid, Surau Diri Jumaat dan Surau Ta'addud Jumaat Negeri Perak di ILKKM Sultan Azlan Shah di Tanjung Rambutan, Ipoh pada Isnin.

keluarkan kepada semua pengerusi masjid berkaitan perkara ini," ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa isu serupa turut melibatkan tanah-tanah wakaf bagi surau dan sekolah agama rakyat, termasuk Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), yang akhirnya memerlukan campur tangan kerajaan negeri untuk mendapatkan semula pemilikan.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri akan terus memantau dan mengambil tindakan terhadap isu berkaitan penyampaian ceramah dan kuliah agama tanpa tauliah yang sah.

Saarani berkata, tindakan itu selaras dengan titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah supaya aktiviti keagamaan di masjid dan surau dipantau secara berhemah serta berlandaskan garis panduan ditetapkan.

Menurutnya, pemberian tauliah bukan semata-mata formaliti, sebaliknya sebagai langkah kawalan agar tidak sewenang-wenangnya sesiapa sahaja dibenarkan menyampaikan ajaran agama tanpa saringan yang teliti.